

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI
SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : **10 JUN 2014**

SOALAN : **Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh
Fadzir [Kulim Bandar Baharu]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan peranan Malaysia
melalui Kementerian Luar dalam
membantu semasa konflik seperti
yang berlaku di Asia Barat sebagai
contoh Mesir dan Syria kini.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Malaysia telah memainkan peranan yang konstruktif di peringkat antarabangsa dan berkerjasama rapat dengan negara-negara lain dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain termasuk Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk mencari penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak yang terlibat dalam usaha menamatkan konflik di Syria dan krisis di Mesir.

3. Selain itu, Malaysia juga sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam OIC di mana Malaysia bersama negara-negara anggota OIC yang lain, telah secara konsisten menyuarakan dan merencanakan usaha-usaha melindungi kepentingan negara-negara Islam dan Ummah termasuklah melalui pelbagai langkah dan strategi untuk menangani pergolakan di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara.

4. Berhubung dengan konflik di Syria, Malaysia telah menggesa komuniti antarabangsa, khususnya negara anggota PBB, negara-negara yang berpengaruh serta Utusan Khas PBB-Liga Arab agar mengambil pendirian yang seimbang dan selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa melalui jaringan kerjasama dan dialog sebagai menyokong penyelesaian secara damai kepada konflik tersebut.

5. Selain itu, Malaysia juga menyeru supaya masyarakat antarabangsa menghulurkan bantuan kemanusiaan yang sewajarnya kepada mangsa-mangsa dan pelarian-pelarian Syria. Malaysia juga turut menekankan kepada masyarakat antarabangsa akan pentingnya pendekatan kesederhanaan (*wasatiyyah*) dan pragmatik dalam merangka usaha damai secara aman yang memenuhi aspirasi rakyat Syria yang mengharapkan perdamaian.

6. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Malaysia sebagai negara yang prihatin terhadap penderitaan yang dilalui oleh rakyat Syria telah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada mereka. Semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Turki pada bulan April yang lalu, Malaysia melalui BAKTI dan *Global Children's Well-being Fund* (GCWF) telah menghulurkan sumbangan berjumlah USD 200,000.00 kepada pelarian kanak-kanak Syria di Turki. Begitu juga dengan pelarian kanak-kanak Syria di Jordan, BAKTI dan GCWF telah menghulurkan sumbangan berjumlah USD 200,000.00 kepada mereka.

7. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, semasa penyertaan Malaysia dalam dengan izin *the Second International Humanitarian Pledging Conference for Syria* yang dianjurkan secara bersama oleh Kuwait dan PBB pada 15 Januari 2014, Malaysia telah memberi komitmen untuk menghulurkan bantuan kewangan berjumlah USD 500,000.00 bagi meringankan beban rakyat Syria. Terdahulu, Malaysia pada bulan Oktober 2012 melalui Kelab Putera 1 Malaysia (KP1M) telah menghulurkan bantuan kemanusiaan bernilai lebih USD 2.5 juta kepada pelarian Syria yang ditempatkan di Jordan.

8. Di Mesir pula, Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir sentiasa mendampingi rakyat Malaysia di sana bagi menjaga kebajikan dan memberi perkhidmatan konsular yang sewajarnya khususnya semasa menghadapi krisis pergolakan politik yang mengancam keselamatan.

9. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, semua Perwakilan Malaysia di Luar Negara termasuk Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir telah dibekalkan dengan tatacara operasi standard sebagai panduan untuk berdepan dan menangani pelbagai bentuk krisis dan bencana yang boleh menjejaskan dan mendatangkan ancaman keselamatan kepada rakyat Malaysia.

10. Malah, semasa daripada awal pergolakan krisis di Mesir sehingga kini, Kedutaan Besar kita sentiasa mengemaskini dan telah mengeluarkan Garis Panduan Keselamatan sebagai panduan kepada rakyat Malaysia untuk tidak berada di tempat-tempat yang padat dengan orang ramai atau dengan izin *hotspot*, tidak keluar rumah pada waktu-waktu tertentu, tidak menyertai sebarang perarakan atau demonstrasi dan lain-lain lagi bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

Sekian, terima kasih.